

**ISU DAN POLA KECENDERUNGAN UNDI WANITA DALAM KONTEKS
PERSAINGAN POLITIK UMNO DAN DAP DI JOHOR, PRU 12 HINGGA PRU 14**
*ISSUES AND PATTERNS OF WOMEN'S VOTE IN THE CONTEXT OF UMNO AND
DAP POLITICAL COMPETITION IN JOHOR, GE 12 TO GE 14*

Muhammad Naim Fakhirin*
Universiti Sultan Zainal Abidin, MALAYSIA

Zulkanain Abdul Rahman**
Fatimi Hanafi***
Universiti Malaya, MALAYSIA

Abstrak

Peranan wanita dalam politik bukan sahaja sebagai pelengkap kepada sistem demokrasi yang diamalkan, tetapi ianya memainkan peranan yang penting dalam menentukan kelangsungan parti politik masing-masing dalam konteks persaingan untuk mengukuhkan kedudukan. Kajian ini membincangkan persaingan politik antara DAP dan UMNO di Johor dalam konteks kewanitaan, iaitu perincian terhadap calon yang dipertaruhkan oleh kedua-dua parti serta isu yang dibawa oleh calon wanita semasa kempen. Persaingan calon wanita dari kedua-dua parti ini ditentukan oleh dua faktor utama iaitu calon yang dipertaruhkan oleh parti dan isu yang dibawa dalam tempoh kempen. Kedua-dua faktor ini seterusnya mempengaruhi kelangsungan politik kedua-dua parti ini dalam konteks persaingan di Johor. Selain itu, kumpulan pengundi wanita juga memainkan peranan yang penting dalam sebagai penentu politik di Johor. Penguasaan kumpulan pengundi wanita ini membolehkan setiap parti itu menentukan kelangsungan politik di Johor kerana jumlah pengundi wanita semakin meningkat. Oleh itu, mutakhir ini, setiap parti yang bertanding berusaha untuk menonjolkan wanita dari parti masing-masing. Artikel ini membincangkan kecenderungan undi dari golongan wanita di Johor berdasarkan kepada data-data primer dari Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Justeru itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peranan calon-calon wanita yang dipertaruhkan oleh kedua-dua parti ini menjadi antara faktor yang penting dalam menentukan kelangsungan politik parti masing-masing di Johor berdasarkan kepada pemilihan calon wanita yang bertanding dan isu yang dibawa oleh calon wanita tersebut dalam tempoh kempen pilihan raya di negeri ini.

Kata Kunci: UMNO, DAP, Johor, Politik, Wanita

Abstract

The role of women in politics is not only a complement to the democratic system of practice, but it plays an important role in determining the viability of their respective political parties in the context of competition to strengthen their position. This study discusses the political competition between DAP and UMNO in Johor in the context of femininity, i.e. the details of the candidates at stake by both parties as well as the issues brought up by female candidates during the campaign. The competition of female candidates from these two parties is determined by two main factors, which are the candidates that the parties stake and the issues that are brought up during the campaign period. These two factors further affect the political survival of these two parties in the context of competition in Johor. In addition,

women's voters also play an important role as political determinants in Johor. The dominance of these female voters allowed each party to determine the political viability of Johor as the number of female voters increased. Nowadays, every political party in Johor tries to show their women to to gain more support from women's voters. In addition, this article discusses the tendency of votes from women in Johor based on primary data from the Malaysian Election Commission. Therefore, this study found that the role of the female candidates who are staked by these two parties is one of the important factors in determining the political survival of their respective parties in Johor based on the selection of female candidates who are competing and the issues brought by the female candidates in the election campaign period in this state.

Keywords: UMNO, DAP, Johor, Politic, Women

Pengenalalan

Penglibatan wanita dalam politik Johor secara asasnya telah menyempurnakan sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia. Penglibatan wanita dalam politik negeri ini bukanlah perkara yang baru kerana ianya bermula sejak sebelum merdeka. Antara tokoh wanita terkemuka dalam politik Johor sebelum merdeka adalah Fatimah Abdul Majid. Beliau terlibat secara langsung dalam penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (*United Malays National Organization/UMNO*). Beliau kemudian menjadi wanita pertama di Johor bertanding pada Pilihan Raya Umum (PRU) 1955 mewakili UMNO dan dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) wanita pertama di Johor untuk kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Plentong. Pada PRU 1964, beliau bertanding di kerusi Parlimen Batu Pahat Dalam dan memenangi kerusi tersebut, sekaligus menjadi ahli Parlimen wanita pertama dari Johor dan Malaysia.¹

Penglibatan wanita dalam politik Johor berterusan sehingga era moden. Mutakhir ini, jumlah wanita yang menjadi calon untuk bertanding dalam pilihan raya sama ada untuk kerusi Parlimen ataupun DUN semakin meningkat. Beberapa tokoh wanita ternama Johor dari UMNO terlibat secara langsung dalam politik negeri ini dan diberi kepercayaan untuk menjawat jawatan dalam barisan kabinet kerajaan seperti Noraini Ahmad, Azalina Othman dan Halimah Mohamed Sadique. Begitu juga dengan Parti Tindakan Demokratik (*Democratic Action Party/DAP*), tokoh politik wanita dari parti tersebut seperti Teo Nie Ching, Yeo Bee Yin dan Wong Shu Qi terlibat secara langsung dalam politik Johor. Kajian ini akan membincangkan penglibatan wanita UMNO dan DAP dalam politik Johor dalam tempoh 2008-2018 berdasarkan kepada persaingan pilihan raya seperti kempen, cabaran, prestasi dan peranan oleh wanita terhadap parti masing-masing.


Kecenderungan Undian Dari Pengundi Wanita

Kedinamikan pengundi di Johor bukan sahaja disebabkan oleh kepelbagaian bangsa sebagai pengundi di negeri itu, tetapi juga dilihat pada nisbah jumlah pengundi wanita dan juga pengundi lelaki. Sejak era politik moden, peranan wanita dalam politik semakin meluas. Penglibatan wanita dalam politik di Johor semakin meningkat. Golongan wanita bukan sahaja menyertai parti sebagai ahli malah mereka juga terpilih sebagai ahli Parlimen, seterusnya dipilih sebagai Menteri dan Timbalan Menteri dalam barisan kabinet yang dibentuk. Penglibatan wanita dalam politik bukan sahaja dilihat berdasarkan kepada peranan mereka sebagai ahli politik dan memenuhi organisasi parti, tetapi juga dilihat melalui peranan sebagai

suara yang menjadi penentu terhadap parti-parti yang bertanding. Walaupun jumlah pengundi wanita ini tidak seramai pengundi lelaki, namun pengundi wanita memainkan peranan untuk menentukan kemenangan kerusi Parlimen yang ditandingi. Sokongan dari wanita ini yang menjadikan UMNO dan DAP berbeza sama ada dari segi pengundian, sokongan ataupun dalam pengukuhan terhadap pengaruh kedua-dua parti itu.

Pada PRU 12, jumlah pengundi wanita di Johor adalah 42.3 peratus iaitu seramai 555,026 orang, berbanding dengan pengundi lelaki iaitu 57.7 peratus, iaitu seramai 757,094 orang.² Pada PRU 13, jumlah pengundi wanita meningkat kepada 728,065 orang iaitu merangkumi 46.2 peratus berbanding pengundi lelaki iaitu 53.3 peratus, seramai 847,835 orang.³ Pada PRU 14, selaras dengan peningkatan jumlah pengundi kepada 1,817,999 orang berbanding PRU 13, 1,575,900 orang, jumlah peratus pengundi wanita turut meningkat.⁴

Rajah 1: Peratus Pengundi Wanita dan Lelaki di Johor, PRU 14



Sumber: Helaian Mata (*Score Sheets*), Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Johor, 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Rajah 1 menunjukkan peratus pengundi wanita di Johor pada PRU 14 lebih tinggi berbanding peratus pengundi lelaki di Johor. Pada PRU 14, jumlah pengundi wanita di Johor adalah 914,453 orang, merangkumi 50.3 peratus pengundi keseluruhan di Johor. Manakala pengundi lelaki adalah 49.3 peratus, iaitu 903,546 orang. Berdasarkan kepada perbandingan jumlah peratus ini, ianya jelas menunjukkan peranan yang dimainkan oleh pengundi wanita memberi implikasi yang tinggi terhadap keputusan untuk parti yang bertanding dalam PRU di Johor. Oleh itu UMNO dan DAP berusaha untuk menguasai undi dari kalangan pengundi wanita supaya kemenangan berpihak kepada mereka. Penguasaan undi wanita semasa PRU ini menjadi signifikan yang jelas terhadap perbezaan antara UMNO dan DAP.

Jumlah peratus pengundi wanita di Johor turut membezakan taburan pengundi wanita untuk kerusi Parlimen di seluruh Johor. Pada PRU 12 jumlah wanita yang paling

ramai di kerusi Parlimen yang ditandingi oleh UMNO adalah Parlimen Sri Gading iaitu berjumlah 19,785 orang. Jumlah ini merangkumi 53.7 peratus berbanding pengundi lelaki iaitu 46.3 peratus bersamaan dengan 17,060 orang. Manakala pada PRU 13, kerusi Parlimen yang mempunyai jumlah pengundi wanita paling ramai yang ditandingi oleh UMNO adalah Parlimen Batu Pahat, iaitu 52.2 peratus, bersamaan dengan 46,077 pengundi wanita daripada jumlah pengundi keseluruhan, iaitu 88,272 orang di kerusi tersebut. Pada PRU 14, kerusi Parlimen yang mempunyai wanita paling ramai yang ditandingi oleh UMNO adalah Parlimen Pulau iaitu 54.9 peratus bersamaan dengan 58,341 orang pengundi wanita daripada 106,268 orang pengundi keseluruhan di Parlimen itu.⁵

Manakala DAP pula, jumlah wanita yang paling ramai di kerusi Parlimen yang ditandingi oleh parti itu pada PRU 12 adalah di Parlimen Bakri iaitu 51.8 peratus, berjumlah 29,201 orang pengundi wanita daripada jumlah keseluruhan iaitu 56,372 orang pengundi. Manakala pada PRU 13, kerusi Parlimen yang mempunyai pengundi wanita paling ramai yang ditandingi oleh DAP adalah Parlimen Kulai iaitu, 52.5 peratus, bersamaan dengan 44,095 orang pengundi wanita daripada jumlah pengundi keseluruhan iaitu seramai 83,991 orang. Pada PRU 14, kerusi Parlimen Bakri adalah kerusi yang mempunyai pengundi wanita paling ramai yang ditandingi oleh DAP, iaitu 54.7 peratus, iaitu 40,414 orang pengundi wanita daripada jumlah pengundi keseluruhan di Parlimen ini, 73,833 orang.⁶

Sebanyak empat kerusi Parlimen yang ditandingi oleh UMNO yang mempunyai pengundi wanita melebihi 40 peratus iaitu Parlimen Sri Gading, Pulau, Batu Pahat dan Pasir Gudang. Manakala kerusi Parlimen yang ditandingi oleh DAP yang mencatatkan lebih 40 peratus pengundi wanita adalah Parlimen Bakri dan Kulai. Kesemua kerusi Parlimen yang ditandingi oleh UMNO dan DAP yang mempunyai lebih daripada 40 peratus pengundi wanita ini memerlukan sokongan yang tinggi oleh golongan pengundi wanita. Peratusan yang tinggi ini menunjukkan wanita memainkan peranan yang penting sebagai penentuan terhadap kemenangan untuk parti yang bertanding.

Dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14, keputusan yang dicatatkan oleh UMNO di kerusi Parlimen yang mempunyai jumlah pengundi wanita yang ramai ini sering berubah dan tidak konsisten. Misalnya di Parlimen Sri Gading pada PRU 13, UMNO menang di kerusi ini dengan majoriti 5,761 undi. Walaupun UMNO masih mengekalkan kemenangan di kerusi ini, namun jumlah majoriti merosot dengan ketara iaitu dari 10,874 undi pada PRU 12 kepada 5,761 undi pada PRU 13. Manakala pada PRU 14, UMNO mengalami kekalahan kepada PKR di kerusi ini dengan majoriti 3,288 undi. Kekalahan UMNO di kerusi ini disebabkan oleh kecenderungan pengundi wanita terhadap pembangkang. Peratus pengundi wanita di Parlimen ini pada PRU 12 ialah 53.7 peratus, manakala pada PRU 13 ialah 52.1 peratus dan pada PRU 14 ialah 53.6 peratus.⁷ Berdasarkan kepada undian yang diperolehi UMNO untuk kerusi ini pada ketiga-tiga PRU ini, ianya jelas menunjukkan kecenderungan sokongan dari pengundi wanita beralih kepada PKR dan tidak lagi mengundi UMNO.

Situasi yang sama juga berlaku di Parlimen Pulau dan memberi kesan terhadap prestasi UMNO untuk kerusi Parlimen ini. Pada PRU 12, UMNO menang di kerusi ini dengan majoriti 20,449 undi. Walaupun masih mengekalkan kemenangan di kerusi ini, jumlah majoriti yang dicatatkan oleh UMNO merosot pada PRU 13, iaitu dari 20,449 undi kepada 3,226 undi. Manakala pada PRU 14, UMNO mengalami kekalahan di kerusi ini dengan majoriti yang besar iaitu 28,924 undi. Pada PRU 12, peratus pengundi wanita di kerusi Parlimen ini adalah 46.7 peratus, manakala pada PRU 13 berjumlah 49.3 peratus dan pada PRU 14, jumlah peratus pengundi wanita meningkat kepada 54.9 peratus bersamaan dengan 58,341 orang pengundi wanita daripada 106,268 orang pengundi keseluruhan di Parlimen itu.⁸ Keputusan yang dicatatkan oleh UMNO untuk kerusi ini dalam tempoh PRU

12 hingga PRU 14 menunjukkan parti itu ditolak oleh pengundi wanita di kerusi ini. Akhirnya pada PRU 14 yang menyaksikan UMNO tewas di kerusi ini membuktikan bahawa parti itu ditolak secara keseluruhan oleh pengundi wanita kerana kemenangan pihak lawan di kerusi ini adalah dengan majoriti yang sangat besar iaitu 28,924 undi.⁹

Selain itu di Parlimen Batu Pahat, keputusan di kerusi Parlimen ini merupakan manifestasi awal pengundi Melayu di Johor kerana kerusi ini merupakan kerusi Parlimen yang ditandingi oleh UMNO terawal jatuh ke tangan pihak lawan. Pada PRU 12, UMNO memenangi kerusi ini dengan majoriti 12,704 undi. Berdasarkan kepada angka dan keadaan politik di Johor ketika itu, mustahil untuk parti pembangkang memenangi kerusi ini, apatah lagi dengan negeri ini mendapat jolokan sebagai 'kubu UMNO'. Namun begitu, pada PRU 13, UMNO mengalami kekalahan di kerusi ini dengan majoriti 1,732 undi dan kekalahan ini berterusan pada PRU 14 dengan majoriti lebih besar iaitu 17,894 undi.¹⁰ Berdasarkan kepada prestasi UMNO untuk PRU 12 hingga PRU 14 untuk Parlimen ini, ianya menunjukkan UMNO bukan sahaja ditolak oleh pengundi lelaki, malah turut ditolak oleh pengundi wanita kerana peratusan pengundi wanita di kerusi ini lebih tinggi dari pengundi lelaki iaitu 50.3 peratus pada PRU 12, 52.2 peratus pada PRU 13 dan 53.7 peratus pada PRU 14.¹¹

Keputusan untuk kerusi Parlimen yang mempunyai peratus wanita yang tinggi yang ditandingi oleh UMNO ini membuktikan pengundi wanita, terutamanya dalam kalangan bangsa Melayu lebih memilih menyokong parti pembangkang berbanding UMNO. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada jumlah peratus pecahan pengundi mengikut kaum di kesemua kerusi Parlimen tersebut. Kesemua kerusi Parlimen tersebut iaitu Parlimen Sri Gading, Pulau dan Batu Pahat mencatatkan pecahan pengundi Melayu melebihi 47 peratus. Manakala pengundi Cina diketiga-tiga Parlimen tersebut adalah adalah 30-40 peratus, pengundi India adalah 5-12 peratus dan lain-lain tidak melebihi satu peratus.¹² Berdasarkan peratus pengundi, ketiga-tiga Parlimen ini didominasi oleh pengundi Melayu. Kekalahan UMNO di kerusi Parlimen yang mempunyai pengundi wanita yang tinggi ini secara tidak langsung menunjukkan kecenderungan pengundi wanita, terutamanya berbangsa Melayu mengundi calon dari parti pembangkang berbanding UMNO.

Manakala DAP pula, parti itu merupakan parti yang paling konsisten dalam kalangan parti pembangkang yang lain, sama ada semasa DAP bersama-sama dengan dengan Pakatan Rakyat yang terdiri dari PAS dan PKR ataupun semasa DAP menggotai Pakatan Harapan yang terdiri dari PKR, AMANAH ataupun BERSATU. Malahan, prestasi DAP untuk semua kerusi Parlimen yang ditandingi kesemuanya semakin kukuh berdasarkan kepada kemenangan yang dicapai. Sebanyak enam kerusi Parlimen yang ditandingi DAP di Johor dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14 dan daripada jumlah tersebut, Parlimen Bakri dan Kulai yang mempunyai jumlah pengundi wanita melebihi 45 peratus.¹³ Berdasarkan kepada situasi tersebut, prestasi DAP untuk kedua-dua kerusi Parlimen yang mempunyai jumlah pengundi wanita yang tinggi ini mencatat keputusan yang memberansangkan dan semakin kukuh dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14.

Ini dapat dilihat melalui keputusan yang dicapai oleh DAP untuk Parlimen Kulai. Pada PRU 12, DAP mengalami kekalahan di kerusi ini. Walau bagaimanapun, kekalahan ini tidak bermakna DAP tidak menunjukkan prestasi yang baik kerana mereka berjaya mengurangkan jumlah majoriti yang dicatatkan oleh calon dari MCA. Pada PRU 12, DAP mengalami kekalahan dengan majoriti 11,744 undi berbanding PRU 11 iaitu 18,144 undi. Pengurangan majoriti ini memadai untuk DAP kerana parti ini bertanding selaku *underdog* (pihak lawan yang lemah) berbanding MCA yang turun sebagai parti pilihan. Walau bagaimanapun, pada PRU 13, DAP mengejutkan semua pihak, terutamanya UMNO apabila berjaya memenangi Parlimen Kulai dengan majoriti yang selesa iaitu 13,450 undi. Manakala

pada PRU 14, DAP memenangi kerusi Parlimen ini dengan majoriti yang lebih besar iaitu 32,748 undi. Peningkatan majoriti yang dimenangi oleh DAP ini membuktikan parti itu menguasai pengundi wanita di kerusi ini. Pengundi wanita merupakan kumpulan jantina yang mendominasi kerusi ini iaitu 51.2 peratus pada PRU 12, 52.5 peratus pada PRU 13, 53.6 peratus pada PRU 14.¹⁴ Kemenangan besar yang dicatatkan oleh DAP untuk kerusi ini sekaligus membuktikan pengundi wanita lebih cenderung terhadap parti pembangkang berbanding parti yang menerajui kerajaan dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14.

Selain itu, prestasi DAP untuk kerusi Parlimen Bakri juga mencatatkan keputusan yang memberansangkan dan meningkat dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14. Kerusi Parlimen ini mencatatkan peratusan pengundi wanita yang tinggi iaitu 48.5 peratus pada PRU 12, 50.6 peratus pada PRU 13, 54.7 peratus pada PRU 14.¹⁵ Pada PRU 12, DAP memenangi kerusi ini dengan majoriti yang tipis iaitu 1,000 undi sahaja. Walaupun jumlah majoriti ini adalah kecil, namun kemenangan ini cukup bermakna buat DAP kerana kerusi ini merupakan kerusi Parlimen pertama yang dimenangi oleh DAP di Johor. Kemenangan ini memberi isyarat bahawa DAP mula mendapat tempat dalam kalangan pengundi Cina di negeri ini. Manakala pada PRU 13, DAP memenangi kerusi ini dengan majoriti yang lebih selesa iaitu 5,067 undi. Pada PRU 14, kedudukan DAP selaku parti pilihan pengundi Cina terbukti apabila mereka memenangi kerusi ini dengan majoriti lebih besar iaitu 23,211 undi.¹⁶ Berdasarkan kemenangan yang dicatatkan oleh DAP untuk kerusi ini, parti itu membuktikan keupayaan mereka untuk menguasai pengundi wanita, sekaligus melengkapkan pengaruh mereka terhadap pengundi Cina.

Prestasi DAP di kedua-dua kerusi Parlimen ini, menunjukkan bahawa pengundi wanita cenderung untuk mengundi DAP. Undi yang diperoleh DAP menerusi kedua-dua calonnya untuk kerusi Parlimen Kulai dan Bakri jelas bahawa parti itu menguasai melebihi separuh daripada jumlah pengundi, termasuk wanita kerana jumlah undi DAP untuk kerusi Parlimen Bakri merangkumi 62.65 peratus pada PRU 14. Manakala undi yang diperoleh DAP untuk kerusi Parlimen Kulai merangkumi 64.68 peratus pada PRU 14.¹⁷ Jumlah peratus ini membuktikan hampir keseluruhan pengundi wanita di kedua-dua Parlimen ini mengundi DAP. Penguasaan undi melalui pengundi wanita ini, membantu DAP memenangi kerusi ini dengan majoriti yang lebih besar.

Perbandingan prestasi UMNO dan DAP di kerusi Parlimen yang mempunyai peratus pengundi wanita yang tinggi ini membuktikan pengundi wanita lebih cenderung untuk mengundi DAP dan parti pembangkang yang lain. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi undi daripada pengundi wanita di setiap Parlimen tersebut. Antara faktor utama yang mempengaruhi undi wanita adalah faktor keluarga. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pengaruh daripada suami sebagai ketua keluarga. Misalnya, walaupun isteri itu keahliannya adalah UMNO, namun jika suami itu menyatakan kepada ahli keluarganya untuk mengundi parti pembangkang, maka seluruh ahli keluarga itu akan mendengar saranan dari suami, selaku ketua keluarga.¹⁸ Berdasarkan kepada kutipan responden di Johor, 83 daripada 100 orang wanita daripada menyatakan, mereka mendapat input politik semasa dari suami dan mengundi berdasarkan saranan daripada suami atau keluarga.¹⁹ Begitu juga bagi wanita yang belum berkahwin dan masih tinggal bersama keluarganya, undi untuk pilihan raya ditentukan atas saranan dari bapa atau keluarganya. Keputusan undi keadaan ini jelas menunjukkan, undian dari pengundi wanita dipengaruhi oleh faktor kekeluargaan sama ada yang masih bujang ataupun telah berumah tangga.

Pengaruh dari keluarga terhadap pengundi wanita ini secara tidak langsung menggambarkan, keahlian wanita dalam parti tidak mencerminkan jumlah undi yang sebenar. Walaupun mempunyai keahlian wanita yang ramai dalam parti, namun angka tersebut tidak

menggambarkan jumlah undi untuk parti itu semasa PRU berlangsung. Jadual Satu membincangkan mengenai perbandingan keahlian wanita dari UMNO dan DAP di Johor dalam tempoh PRU 12 hingga PRU 14. Secara purata, keahlian wanita dalam UMNO setiap kali PRU diadakan lebih tinggi berbanding dengan keahlian wanita dalam DAP. Pada PRU 12, keahlian wanita UMNO Johor adalah 103,228 orang, manakala DAP adalah 30,119 orang. Keahlian wanita DAP berlaku peningkatan iaitu 52,972 orang pada PRU 13. Peningkatan ini berlaku disebabkan oleh keyakinan masyarakat Cina terhadap DAP semakin tinggi selepas parti itu berjaya membentuk kerajaan bersama PKR dan PAS di Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Kedah.

Jadual 1 : Perbandingan Keahlian Wanita UMNO dan DAP di Johor, PRU 12-14

Pilihan Raya Umum	Keahlian Wanita	
	UMNO	DAP
PRU 12	103,228	30,119
PRU 13	145,690	52,972
PRU 14	180,451	83,485

Sumber: Laporan Setiausaha Agung UMNO 2007, Laporan Setiausaha Agung UMNO 2012, Laporan Setiausaha Agung UMNO 2017, Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat DAP 2007, Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat DAP 2012, Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat DAP 2017.

Walaupun begitu, keahlian wanita dalam parti secara asasnya dipengaruhi oleh kepelbagaian penduduk Johor mengikut kaum. Misalnya pada 2015, komposisi penduduk Johor terdiri dari kaum Melayu 53.9 peratus iaitu 1,945,900 orang, kaum Cina 29.8 peratus iaitu 1,078,800 orang. Manakala India 6,3 peratus, bersamaan dengan 230,800 orang dan lain-lain 0.5 peratus iaitu 18,000 orang.²⁰ Berdasarkan kepada jumlah ini, penduduk Melayu paling ramai di Johor dan ianya mempengaruhi terhadap jumlah keahlian wanita dalam UMNO lebih ramai berbanding keahlian wanita dalam DAP. Kepelbagaian penduduk ini secara tidak langsung membuktikan bahawa jumlah keahlian wanita dalam parti tidak dijadikan sebagai penanda aras untuk prestasi UMNO pada PRU. Oleh itu faktor keluarga merupakan elemen yang penting mempengaruhi undi daripada pengundi wanita.

Selain itu, pencalonan wanita turut mempengaruhi undi dari pengundi wanita. Pencalonan wanita di kerusi yang mempunyai pengundi wanita yang ramai, membantu parti untuk mendapatkan sokongan dari pengundi wanita. Kecenderungan pengundi wanita untuk mengundi calon wanita adalah lebih tinggi berbanding calon lelaki. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh faktor kewanitaan itu sendiri. Menurut Pakar Gender Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat, Dr. Jamaluddin Aziz (2015-2016) pengundi wanita lebih cenderung untuk memilih calon wanita kerana mereka berpendapat, calon wanita lebih rajin berkhidmat dan mendengar rintihan yang dihadapi masyarakat berbanding calon lelaki.²¹ Berdasarkan kepada faktor ini, DAP mencalonkan wanita di kerusi Parlimen yang mempunyai pengundi wanita yang tinggi di Johor. Pada PRU 13, Teo Nie Ching dibawa dari Parlimen Serdang, Selangor untuk bertanding di Johor. Begitu juga dengan Yeo Bee Yin, beliau dibawa dari DUN Damansara untuk bertanding di Parlimen Bakri pada PRU 14.

Perpindahan kedua-dua tokoh ini bukan disebabkan oleh DAP Johor ketandusan calon wanita. Tetapi disebabkan faktor untuk meningkatkan pengaruh DAP dalam kalangan pengundi wanita kerana kedua-dua calon wanita DAP ini lebih dikenali dan berpengaruh

terhadap politik negara. Sebelum kedatangan Teo Nie Ching ke Johor, DAP Johor telahpun mempunyai tokoh wanita iaitu Gan Peck Cheng, yang lebih bersifat kenegerian. Melalui kehadiran kedua-dua tokoh ini, DAP yakin mereka berpeluang untuk mengukuhkan lagi kedudukan mereka di negeri ini.²² Ini terbukti apabila Teo Nie Ching berjaya memenangi kerusi Parlimen Kulai pada PRU 13, manakala Yeo Bee Yin memenangi kerusi Parlimen Bakri dengan majoriti yang besar pada PRU 14.

Berbeza dengan UMNO, wanita dari parti itu dicalonkan untuk Parlimen yang bertaraf selamat. Misalnya Azalina Othman dicalonkan untuk bertanding di Parlimen Pengerang sejak dari PRU 11. Manakala tokoh wanita UMNO Johor, Halimah Sadique dicalonkan untuk bertanding di Parlimen Kota Tinggi pada PRU 14. Kedua-dua kerusi Parlimen ini bertaraf selamat kerana mempunyai lebih dari 85 peratus pengundi yang terdiri dari peneroka FELDA yang dikenali sebagai 'simpanan tetap' untuk UMNO. Manakala pada PRU 14, UMNO mencalonkan seorang wanita iaitu Halizah Abdullah untuk bertanding di Parlimen Batu Pahat, tetapi mengalami kekalahan.²³ Kerusi Parlimen ini mencatatkan jumlah pengundi wanita yang ramai iaitu 53.7 peratus pada PRU 14. Kekalahan ini membuktikan UMNO gagal untuk memaksimumkan peranan dari calon wanita mereka untuk mendapatkan undi dari pengundi wanita. Keputusan untuk kerusi ini sekaligus membuktikan kecenderungan pengundi wanita lebih tertumpu terhadap parti pembangkang berbanding UMNO.

Secara asasnya, penguasaan pengundi wanita ini membezakan antara UMNO dan DAP. Golongan pengundi wanita memainkan peranan yang besar pada PRU dan sokongan dari mereka membantu setiap parti yang bertanding meningkatkan jumlah kerusi Parlimen dan DUN yang dimenangi. Oleh demikian, setiap parti berusaha menguasai pengundi wanita, termasuk UMNO dan DAP kerana jumlah pengundi wanita ini meningkat setiap tahun. Namun begitu, kecenderungan undi dari pengundi wanita ini ditentukan oleh keberkesanan pelaksanaan tindakan dan strategi berbeza oleh setiap parti. Penguasaan pengundi wanita, terutamanya wanita berbangsa Cina membantu DAP untuk mengukuhkan kedudukan mereka di Johor. Manakala UMNO, mereka bukan sahaja ditolak oleh pengundi lelaki, tetapi gagal untuk menguasai pengundi wanita berbangsa Melayu. Keadaan ini menyebabkan UMNO kehilangan penguasaan di Johor dan peringkat Persekutuan untuk pertama kali dalam sejarah pada PRU 14.

Isu dan Kempen

Isu dan kempen yang diketengahkan oleh calon yang bertanding dalam PRU amat penting dalam menentukan kemenangan. Isu dan kempen yang dibawa oleh calon akan menyumbang kepada 30 peratus kemenangan untuk calon. Manakala selebihnya adalah faktor peribadi calon, parti dan manifesto. Oleh itu isu dan kempen merupakan elemen yang penting untuk setiap calon yang bertanding. Walaupun begitu, isu dan kempen yang dibawa oleh calon wanita berbeza dengan calon lelaki. Perbezaan ini disebabkan oleh sifat dan ciri-ciri yg terdapat pada calon wanita.²⁴ Kebiasaannya, isu yang dibawa oleh calon Wanita UMNO adalah bersifat kewanitaan seperti memudahkan urusan pinjaman Industri Kecil dan Sederhana (IKS) melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia dan melaksanakan program untuk wanita. Namun begitu, perihalnya berbeda dengan calon wanita DAP. Oleh kerana mereka adalah dari parti pembangkang, kempen dan isu yang dibawa lebih 'agresif' berbanding calon wanita UMNO. Calon wanita DAP lebih membawa isu berkaitan ekonomi dan sosial yang berlaku di peringkat Persekutuan dan negeri.

Isu dan Kempen oleh Calon Wanita UMNO

Setelah mengharungi PRU 11 dengan mencatatkan keputusan yang cemerlang, keyakinan UMNO untuk menghadapi PRU 12 semakin bertambah. Malah di Johor, gelaran 'kubu UMNO' ini berterusan. Tempoh kempen untuk PRU 12 adalah 13 hari, iaitu bermula setelah Parlimen dibubarkan pada 13 Februari 2008 sehingga tarikh untuk pengundian pada 8 Mac 2008. Pada PRU 12, UMNO Johor telah mencalonkan seramai tiga orang wanita untuk kerusi DUN dan tiga orang wanita untuk kerusi Parlimen.²⁵ Dalam tempoh kempen PRU 12, isu utama yang diketengahkan oleh DAP di Johor adalah mengenai bersifat ekonomi seperti kenaikan kos sara hidup. Namun isu tersebut tidak dilawan semula oleh UMNO, terutamanya dalam kalangan calon wanita. Sebaliknya calon wanita UMNO Johor berkempen mengenai pembangunan yang telah dilakukan oleh UMNO sejak mentadbir negeri dan Persekutuan.²⁶

Untuk calon yang bertanding di kerusi Parlimen kawasan FELDA seperti Azalina Othman yang bertanding di Parlimen Pengerang, beliau berkempen dengan melakukan lawatan dari rumah ke rumah di kawasan FELDA dalam Parlimen itu. Semasa melakukan lawatan tersebut, beliau memberi peruntukan kewangan sebanyak RM 100 untuk setiap keluarga.²⁷ Begitu juga dengan Halimah Mohamed Sadique yang bertanding di Parlimen Tenggara, kempen utama yang dilakukan oleh beliau adalah memberi fokus kepada pengundi di PDM kawasan FELDA seperti Penggeli Timor, Sungai Sayong dan Bukit Ranum. Beliau menggesa kerajaan Persekutuan supaya membaiki jalan, memberi peruntukan tambahan untuk surau dan masjid di Bandar Tenggara dan Kota Jaya.²⁸ Inisiatif yang dilakukan oleh Azalina Othman dan Halimah Mohamed Sadique ini adalah untuk memastikan pengundi kawasan FELDA di Parlimen Pengerang dan Tenggara mengundi UMNO.

Bagi calon wanita yang bertanding di kawasan separa bandar, seperti Noraini Ahmad yang bertanding di Parlimen Parit Sulong, kempen utama yang dibawa adalah bersifat kewanitaan iaitu memberi kemudahan bantuan pinjaman dari MARA dan Amanah Ikhtiar untuk membangunkan produk IKS seperti membuka kedai jahitan dan menghasilkan produk makanan. Menurut Noraini, kemudahan ini akan membantu wanita meningkatkan produktiviti, sekaligus dapat menambah pendapatan keluarga mereka. Kempen yang dilakukan oleh Noraini bertujuan memperlihatkan keprihatinan kerajaan yang dipimpin oleh UMNO terhadap golongan wanita supaya mereka terus mengundi UMNO pada PRU 12.²⁹

Manakala calon wanita untuk kerusi DUN kebiasaan akan berkempen bersama-sama calon dari Parlimen dan isu yang dibawa oleh mereka adalah sama dengan kempen yang dibawa oleh calon Parlimen. Misalnya calon untuk kerusi DUN Sungai Balang, Robia Binti Kosai berkempen bersama dengan calon Parlimen Muar iaitu Razali Ibrahim. Isu yang dibawa oleh kedua-dua calon ini adalah mengenai pembangunan belia iaitu peluang pekerjaan. Dalam ceramahnya bersama Razali Ibrahim pada 2 Mac 2008, beliau menyatakan pengundi perlu mengekalkan kerajaan negeri yang sedia ada kerana kerajaan Johor yang diterajui oleh UMNO terbukti membuka peluang pekerjaan kepada golongan belia berdasarkan kehadiran jumlah pelabur yang tinggi.³⁰ Manakala calon untuk kerusi DUN Johor Lama, Asiah Md Ariff dan calon DUN Penawar, Hamimah Mansor berkempen bersama-sama ahli Parlimen Pengerang, Azalina Othman dan mereka juga membawa isu mengenai FELDA. Semasa Azalina melakukan lawatan dari rumah ke rumah untuk meraih undi dari pengundi kawasan FELDA, mereka juga turut menyertai lawatan tersebut.³¹

Secara asasnya, isu yang dibawa oleh calon wanita UMNO di Johor pada PRU 12 dipengaruhi oleh demografi kawasan yang ditandingi. Azalina Othman, Halimah Mohamed

Sadique Asiah Md Ariff, Hamimah Mansor kesemuanya bertanding di kerusi yang mempunyai jumlah pengundi dari kawasan FELDA yang ramai dan mereka berkempen mengenai isu dan bantuan yang diberikan kepada penduduk FELDA. Manakala calon yang bertanding di kawasan separa bandar seperti Noraini Ahmad dan Robia Kosai mereka berkempen mengenai isu kewanitaan, terutamanya pembangunan ekonomi untuk wanita seperti kemudahan pinjaman MARA dan penyediaan kursus menjahit dan memasak.

Pada PRU 13, UMNO mencalonkan lima orang wanita untuk kerusi DUN dan empat orang wanita untuk kerusi Parlimen. Antara isu utama yang diketengahkan oleh calon wanita UMNO adalah mengkritik kepimpinan PAS. Mereka mendakwa PAS tidak mengangkat martabat agama Islam kerana tidak mempunyai kuasa dalam Pakatan Rakyat dan menjadi boneka kepada DAP.³² Kritikan terhadap perjuangan PAS ini dilakukan oleh calon wanita dari UMNO yang menghadapi persaingan dengan PAS seperti Norshida Ibrahim yang bertanding di DUN Buloh Kasap, Zaiton Ismail yang bertanding di DUN Sungai Balang, Azizah Zakaria yang bertanding di DUN Parit Raja, Asiah Md Ariff yang bertanding di DUN Johor Lama, Hamimah Mansor yang bertanding di DUN Penawar, Noraini Ahmad yang bertanding di Parlimen Parit Sulong dan Halimah Mohamed Sadique yang bertanding di Parlimen Tenggara.³³ Kritikan terhadap PAS ini dilakukan kerana mereka menghadapi persaingan oleh calon dari PAS. Calon wanita UMNO berusaha menonjolkan kelemahan pihak lawan supaya pengundi lebih meyakini UMNO berbanding dengan PAS.

Selain itu, calon wanita UMNO turut senada dengan calon lelaki kerana mereka mengkritik kepimpinan PKR yang membabitkan Anwar Ibrahim. Kritikan ini dilakukan oleh mereka yang menghadapi persaingan dengan calon dari PKR seperti Azalina Othman yang bertanding di Parlimen Pengerang dan Normala Abdul Samad yang bertanding di Parlimen Pasir Gudang. Serangan terhadap PKR dan Anwar Ibrahim dilakukan kerana PKR berusaha keras untuk memenangi jumlah kerusi dengan lebih banyak di Johor dan parti tersebut melancarkan kempen besar-besaran di semua kawasan FELDA di Johor. Oleh itu untuk membalas balik kempen dari PKR, calon wanita UMNO mengkritik PKR dan Anwar. Mereka mendakwa Anwar Ibrahim hanya mengejar jawatan Perdana Menteri Malaysia untuk kepentingan sendiri, bukan untuk berkhidmat kepada rakyat Malaysia.³⁴

Tumpuan kepada pengundi di kawasan FELDA masih lagi menjadi perhatian oleh calon wanita UMNO yang bertanding di kawasan berkenaan seperti Azalina Othman, Halimah Sadique dan Norshida Ibrahim. Mereka berusaha meraih undi dari peneroka FELDA dengan mengagihkan bantuan dari kerajaan persekutuan seperti baja dan beras. Selain itu, kekerapan program di kawasan FELDA turut diadakan dan dirasmikan oleh calon wanita UMNO yang bertanding di kawasan berkenaan. Misalnya pada 13 Mac 2013, sebuah Karnival Pertanian Johor diadakan dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (*Federal Agriculture Marketing Authority/FAMA*) dan kerajaan negeri Johor. Karnival ini memberi peluang kepada peneroka untuk membeli hasil seperti ikan, ayam, daging dan sayur-sayuran dengan harga yang lebih rendah.³⁵ Calon wanita UMNO berusaha untuk mengekalkan undi dari peneroka FELDA kerana undi mereka akan membantu kemenangan di kerusi Parlimen yang terdiri dari peneroka yang ramai seperti Parlimen Pengerang dan Kota Tinggi.

Walaupun kebanyakan calon dari wanita UMNO mengkritik Pakatan Rakyat dan pemimpinnnya, namun kempen mengenai kewanitaan masih lagi dilakukan oleh calon dari parti tersebut. Ini dapat dilihat berdasarkan Manifesto BN Johor 2013 melalui Teras Ke-10 iaitu menggalakkan perusahaan IKS. Kempen ini dilakukan oleh Noraini Ahmad. Selaku kedudukannya sebagai Pengerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (*Malaysia External Trade Development Corporation/MATRADE*), beliau menyatakan Johor

Bahru dan Muar akan dijadikan sebagai hab untuk produk IKS. Wanita yang terlibat dalam IKS seperti produk makanan dan kraftangan akan dibantu oleh NGO yang mesra kerajaan seperti Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) untuk memasarkan produk mereka di seluruh Malaysia. Selain itu, calon wanita UMNO yang turut berkempen mengenai hal ini adalah Azalina dan Halimah. Mereka menyatakan bersesuaian dengan FELDA sebagai hab pertanian negara, UMNO Johor akan membantu pengusaha wanita di kawasan FELDA meningkatkan dan memasarkan hasil IKS mereka ke seluruh Johor.³⁶

Secara keseluruhan, isu utama yang dijadikan kempen oleh calon wanita UMNO adalah kritikan terhadap pihak lawan. Kritikan ini dilakukan kerana calon DAP dan PKR berkempen secara agresif dan berkeyakinan tinggi untuk menubuhkan kerajaan di Johor. Calon wanita UMNO berkempen mengikut rentak parti pembangkang agar keyakinan pengundi terhadap UMNO tidak merosot. Walaupun begitu, isu kewanitaan masih lagi dijadikan kempen oleh semua calon wanita UMNO supaya undi dari wanita tidak beralih kepada pembangkang. Calon wanita UMNO menggunakan kelebihan sebagai calon dari parti kerajaan dengan mengadakan program kewanitaan dan mengurniakan wang kepada pengundi.

Tempoh kempen pada PRU 14 merupakan paling sengit untuk UMNO sama ada di pihak calon wanita ataupun lelaki kerana bekas pemimpin UMNO Johor, Muhyiddin Yassin dan bekas Presiden UMNO, Dr. Mahathir menyertai parti pembangkang. Untuk PRU 14, UMNO bukan sahaja menghadapi persaingan dari Pakatan Harapan (PH), malah menghadapi persaingan dari PAS yang menyebabkan beberapa kerusi di Johor menghadapi persaingan tiga penjur. Persaingan yang sengit ini, menyebabkan calon wanita UMNO turut berkempen secara agresif kerana calon dari parti lawan turut berkempen secara agresif untuk meyakinkan pengundi.

Antara isu yang diketengahkan oleh calon wanita UMNO adalah kritikan terhadap Dr. Mahathir yang bertindak sebagai Ketua Pembangkang, menggantikan Anwar Ibrahim. Kritikan terhadap Dr. Mahathir ini dilakukan oleh semua calon wanita UMNO. Azalina Othman, calon UMNO untuk Parlimen Pengerang menyatakan era Dr. Mahathir telah berakhir dan pemilihan beliau sebagai calon Perdana Menteri sekiranya PH menang pilihan raya adalah tidak relevan kerana faktor usianya yang terlalu tua untuk melakukan tugas-tugas penting negara.³⁷ Selain itu, Noraini Ahmad, calon UMNO untuk Parlimen Parit Sulong turut menyatakan Dr. Mahathir adalah pengkhianat terhadap UMNO. Manakala Halimah Sadique menyatakan Dr. Mahathir kerap kali keluar masuk UMNO semata-mata untuk kepentingan dirinya.³⁸ Kritikan terhadap Dr. Mahathir dilakukan oleh calon wanita UMNO untuk menyekat pengaruh Dr. Mahathir dalam kalangan pengundi di Johor.

Untuk di kawasan FELDA, calon wanita UMNO melakukan inisiatif secara berterusan di kawasan tersebut. Antaranya adalah pemberian geran tanah secara tetap oleh kerajaan persekutuan tetapi melalui calon UMNO. Misalnya pada 14 April 2018, sebuah majlis penyerahan geran tanah secara tetap telah dilakukan di Kota Tinggi dan dihadiri oleh calon wanita UMNO yang bertanding di kawasan tersebut iaitu Halimah Mohamed Sadique dan Azalina Othman. Mereka bertindak sebagai pengantara kerajaan persekutuan untuk menyerahkan geran tanah secara tetap kepada peneroka FELDA di daerah Kota Tinggi.³⁹ Keadaan ini secara tidak langsung memperlihatkan kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh UMNO mempedulikan penduduk FELDA.

Selain itu, calon wanita UMNO turut memberi peruntukan berbentuk kelengkapan harian kepada peneroka FELDA. Bantuan seperti beras, gula, susu diagihkan kepada semua peneroka FELDA disetiap PDM. Ini dapat dilihat di Parlimen Pengerang, Azalina bersama dengan calon DUN Penawar, Sharifah Azizah telah mengadakan program Ramah Mesra

Bersama Peniaga di Parlimen Pengerang. Mereka melakukan lawatan dari kawasan perniagaan dan melawat penduduk kampung disamping mengagihkan bantuan kepada penduduk. Calon wanita UMNO turut berkempen mengenai kejayaan UMNO dan BN dalam mentadbir Johor. Mereka menyatakan pentadbiran UMNO di Johor berjaya membangunkan infrastruktur dan memajukan ekonomi Johor. Ini dapat dilihat pada ucapan oleh calon wanita UMNO untuk Parlimen Batu Pahat, Haliza Abdullah. Beliau menyatakan pengundi tidak perlu menukar kerajaan yang sedia ada kerana kerajaan negeri dan persekutuan yang diterajui oleh UMNO adalah yang terbaik dan telah diiktiraf oleh seluruh dunia.⁴⁰

Selain itu, kempen mengenai kejayaan UMNO dalam memimpin kerajaan negeri turut dilakukan oleh calon DUN Penawar iaitu Sharifah Azizah Syed Zain. Beliau menyatakan kejayaan UMNO membina projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (*Refinery and Petrochemical Integrated Development/RAPID*) di Pengerang akan menghasilkan keuntungan untuk ekonomi Johor dan membuka peluang pekerjaan kepada belia di negeri ini. Kempen mengenai kejayaan kerajaan UMNO ini turut dilakukan untuk membuktikan Manifesto BN Johor lebih baik dari Manifesto PH. Calon wanita UMNO Parlimen Parit Sulong, Noraini Ahmad menyatakan, pemimpin PH hanya pandai berjanji tetapi tidak berupaya untuk melaksanakan kerana mereka tidak memiliki pengalaman dalam mentadbir negara.⁴¹

Tempoh kempen PRU 14 merupakan tempoh yang paling sengit berbanding PRU sebelum ini kerana semua pemimpin dari PH berkumpul dan mengadakan kempen secara besar-besaran di Johor. Oleh itu isu utama yang menjadi kempen oleh calon wanita UMNO di Johor adalah mengkritik pemimpin PH, terutamanya bekas pemimpin UMNO seperti Muhyiddin Yassin dan Dr. Mahathir. Selain itu, mereka turut mengerahkan tenaga untuk berkempen mengenai kejayaan yang dilakukan oleh kerajaan negeri yang dipimpin oleh UMNO dan mempromosikan kebaikan Manifesto BN Johor berbanding Manifesto PH. Isu kewanitaan tidak lagi menjadi keutamaan oleh calon wanita UMNO pada PRU 14. Kempen seperti kritikan ini dilakukan supaya pengundi meragui PH di samping menonjolkan kejayaan yang dilakukan oleh kerajaan negeri dan Persekutuan yang diterajui oleh UMNO, sekaligus mengekalkan sokongan pengundi di Johor terhadap UMNO dan BN.

Isu dan Kempen oleh Calon Wanita DAP

Pada PRU 12, DAP hanya mencalonkan seorang sahaja wanita untuk bertanding di kerusi DUN dan seorang calon wanita untuk bertanding di kerusi Parlimen. Seperti biasanya dalam PRU sebelum ini, DAP menggunakan ceramah sebagai medium utama kempen mereka. Begitu juga dengan calon wanita, mereka mengadakan ceramah untuk setiap PDM di kerusi yang mereka bertanding. Namun begitu, pada PRU 12, DAP mula menggunakan media elektronik seperti *Youtube*, *Blog* dan *Facebook* untuk berkempen. Kempen yang dilakukan oleh calon wanita DAP untuk kerusi DUN pada PRU 12 adalah bersifat tempatan seperti kegagalan sistem perparitan dan cukai tanah yang tinggi. Dalam ceramah yang dilakukan di PDM Taman Soga pada 27 Februari 2008, calon wanita DAP untuk DUN Penggaram, Gan Peck Cheng menyatakan, kerajaan negeri gagal menguruskan sistem perparitan dengan baik yang mengakibatkan banjir kilat kerap berlaku. Selain itu, beliau juga menyatakan lantikan politik oleh kerajaan negeri menyebabkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) gagal dalam urus tadbir, sekaligus menyebabkan cukai tanah sentiasa meningkat.⁴²

Manakala calon untuk kerusi Parlimen pula berkempen dengan membawa isu yang melibatkan kerajaan Persekutuan terutamanya perkara yang melibatkan kos sara hidup. Selain dari ceramah, Teo Eng Ching berkempen melalui *Facebook* dan *Youtube*. Melalui *Facebook*,

beliau menyatakan, harga minyak, makanan dan tol meningkat mendadak. Namun begitu, isu tersebut gagal untuk meraih undi dari pengundi Cina pada PRU 12. Dalam tempoh tersebut, pengundi Cina masih ragu-ragu dengan DAP, apatah lagi di Johor yang dikenali sebagai kubu BN.⁴³ Oleh itu calon wanita DAP tidak memenangi sebarang kerusi yang dipertandingkan pada PRU 12.

Secara asasnya pada PRU 12, calon wanita DAP sama ada untuk kerusi DUN ataupun Parlimen tidak berkempen mengenai hal kewanitaan seperti calon wanita UMNO. Mereka lebih mengutamakan isu yang melibatkan kos sara diri dan isu-isu tempatan seperti cukai tanah, sistem perparitan dan kelemahan PBT dalam melaksanakan tugas. Faktor sebagai parti pembangkang mendorong mereka untuk menggunakan isu peningkatan kos sara hidup kerana isu tersebut lebih menyeluruh berbanding dengan isu kewanitaan yang hanya fokus terhadap wanita sahaja.

PRU 13 memperlihatkan calon wanita DAP berkempen lebih agresif dan tersusun berbanding PRU 12. Perkara ini berlaku disebabkan keyakinan DAP untuk memenangi lebih banyak kerusi berdasarkan penerimaan pengundi Cina terhadap parti tersebut pada PRU 12. Selain itu, DAP meningkatkan jumlah calon wanita dan membawa masuk nama besar wanita parti iaitu Teo Nie Ching untuk meningkatkan momentum sokongan terhadap DAP. Perpindahan Teo Nie Ching adalah untuk mengimbangi calon wanita UMNO dan melumpuhkan pengaruh wanita MCA di Johor. Menurut Teo Nie Ching, perpindahannya ke Johor adalah keputusan yang paling besar yang pernah dilakukan oleh beliau sepanjang penglibatan dalam politik.⁴⁴

Pada peringkat awal kempen untuk Parlimen Kulai, beliau berusaha meraih undi dari pengundi wanita terlebih dahulu. Pada kempen pada hari pertama selepas pencalonan, beliau menggesa kerajaan supaya memberi kelonggaran terhadap ibu bersalin untuk mendapat lebih banyak cuti supaya dapat membesarkan anak dengan sempurna dari segi susuan dan jagaan. Dalam ceramahnya di PDM Pekan Sengkang pada 5 Mac 2013, beliau menyatakan akan terus memperjuangkan tentang cuti ibu bersalin. Isu kewanitaan yang diperjuangkan oleh Teo Nie Ching menunjukkan beliau berusaha meraih undi pengundi wanita terhadap DAP.⁴⁵

Selain itu, dalam strategi untuk mendapatkan undi Melayu, Teo Nie Ching melancarkan kempen bersama pemimpin PAS Johor. Beliau turut bertemu dengan tokoh yang amat dihormati oleh penyokong PAS dan pengundi Melayu iaitu Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat (1990-2013). Untuk memenangi kerusi Parlimen Kulai, beliau perlu menguasai undi dari pengundi Melayu kerana Parlimen ini terdapat lima kawasan FELDA iaitu Bukit Batu, Sungai Sayong, Taib Andak, Bukit Permai dan Inas Utara. Pada PRU 13, jumlah pengundi dari kawasan FELDA di Parlimen ini adalah 23,646 orang dari jumlah pengundi berdaftar iaitu 83,991 orang.⁴⁶ Oleh itu Teo Nie Ching melakukan ceramah di PDM kawasan FELDA seperti PDM FELDA Taib Andak bersama dengan pemimpin PAS untuk meraih undi dari pengundi Melayu supaya sokongan terhadap DAP meningkat.

Pada tempoh kempen PRU 13, kesemua calon wanita DAP sama ada untuk kerusi DUN ataupun Parlimen menggunakan media sosial untuk berkempen. Kesemua calon mewujudkan sebuah *Blog* dan laman sosial *Facebook* masing-masing. Selain itu, rancangan siaran internet *Youtube* diperluaskan dengan mewujudkan siaran *Ubah TV* dalam usaha untuk meraih undi. Calon wanita DAP menggunakan media sosial sepenuhnya kerana akhbar dan rancangan televisyen dikawal oleh kerajaan hanya menyiarkan berita mengenai calon UMNO dan BN sahaja. Melalui media sosial ini, calon wanita DAP ini mendakwa keborosan yang dilakukan oleh pemimpin UMNO di peringkat Persekutuan dan negeri. Keborosan ini

menyebabkan pembaziran wang semasa rakyat sedang ‘ikat perut’ kerana kos hidup yang tinggi.⁴⁷

Selain itu, calon wanita veteran DAP seperti Gan Peck Cheng dan Chew Peck Choo berkempen dengan membawa isu kelemahan calon dari MCA. Gan Peck Cheng dalam ceramahnya di PDM Gunong Soga, DUN Penggaram pada 17 Februari 2013, menyatakan MCA tidak mempedulikan masyarakat Cina, malah lebih menuruti kehendak UMNO. Begitu juga dengan Chew Peck Choo, beliau menyatakan pemimpin MCA semasa tidak seperti pemimpin MCA ketika awal penubuhan parti tersebut kerana hanya menjaga tentang kedudukan mereka dan tidak mempedulikan masalah yang dihadapi masyarakat Cina. Kritikan terhadap kepimpinan MCA bukan sahaja dilakukan oleh calon wanita veteran MCA, malah ianya turut dilakukan oleh calon wanita muda DAP iaitu Liow Cai Tung. Dalam ceramahnya di Bilik Gerakan DAP Cawangan PDM Taman Saujana, beliau menyatakan MCA tidak memberi peluang kepada golongan muda untuk berpolitik kerana mengekalkan calon sedia ada. Kritikan terhadap pemimpin MCA oleh calon wanita DAP dilakukan bagi meningkatkan sokongan dari pengundi Cina di Johor.⁴⁸

Secara asasnya, isu yang dibawa oleh calon wanita DAP berbeza dengan calon wanita UMNO. Calon wanita DAP lebih mengutamakan isu yang dekat dengan masyarakat berbanding dengan calon wanita UMNO membawa isu mengenai kewanitaan. Oleh itu pada PRU 13, kesemua calon wanita DAP membawa isu mengenai ekonomi, terutamanya mengenai peningkatan kos sara hidup kerana isu ini amat dekat dengan masyarakat. Calon wanita DAP juga berusaha untuk meningkatkan undi dalam kalangan pengundi Cina dengan mengkritik pemimpin MCA.

Pada PRU 14, DAP menggiatkan usaha untuk menonjolkan calon wanita mereka untuk kerusi Parlimen di Johor dengan memindahkan Wong Shu Qi dari kerusi DUN ke Parlimen dan Yeo Bee Yin dari Selangor untuk bertanding di Johor. Kedatangan Yeo Bee Yin dan Wong Shu Qi sebagai calon untuk kerusi Parlimen mengukuhkan kedudukan Wanita DAP di Johor. Selepas hari penamaan calon pada 28 April 2018, isu utama yang dibawa oleh Yeo Bee Yin adalah mengenai kewanitaan iaitu memperjuangkan hak untuk ibu tunggal. Beliau menyatakan ibu tunggal dipinggirkan oleh kerajaan BN kerana jumlah elaun yang dibayar sangat sedikit iaitu hanya RM 400 sahaja. Beliau menggesa supaya kemenangan diberi kepada PH supaya elaun untuk ibu tunggal dinaikkan kepada RM 800 sebagai permulaan supaya bersesuaian dengan keperluan semasa memandangkan harga untuk keperluan asas seperti makanan, minyak masak meningkat dengan mendadak. Selain itu, Yeo Bee Yin juga menyatakan, kerajaan yang dipimpin oleh PH akan memperkenalkan ‘Duit Dapur’ berjumlah RM 250 dan akan dimasukkan secara langsung kepada akaun wanita yang telah berkahwin dan berpendapatan rendah.⁴⁹ Isu kewanitaan yang dibawa oleh Yeo Bee Yin ini turut dimuatkan dalam risalah dan diedarkan di seluruh Parlimen Bakri.

Selain itu, calon wanita DAP turut berkempen mengenai usaha menghentikan isu perkauman. Isu ini sering diketengahkan oleh Liow Cai Tung dalam ceramahnya dan beliau menyatakan pemimpin UMNO di Johor sering menimbulkan isu perkauman. Beliau turut menyatakan sepanjang Persidangan DUN Johor, ADUN dari UMNO kerap menggunakan kata-kata berbau perkauman. Beliau turut memuatkan video mengenai kekecohan yang berlaku di DUN Johor pada 2016 disebabkan oleh ADUN Bukit Permai menyebut perkataan ‘Anak Cina’. Oleh itu pada PRU 14, beliau menggesa pengundi supaya mengundi calon dari PH untuk menghentikan isu perkauman yang sering dimanipulasi oleh UMNO. Rasionalisasi kempen untuk menghentikan isu perkauman dari Liow Cai Tung ini adalah untuk meningkatkan undi dari pengundi Cina kerana MCA tidak pernah bersuara semasa ahli UMNO menimbulkan isu perkauman.⁵⁰

Pada PRU 14, Liow Cai Tung melakukan kempen yang berbeza berbanding kempen-kempen beliau pada PRU sebelum ini. Pada PRU 13, beliau mengkritik pemimpin BN dan MCA di Johor tetapi pada PRU 14, beliau merayu kepada pengundi supaya memberi peluang kepada PH untuk mentadbir Johor dengan lebih baik. Dalam hal ini, beliau memberi penerangan mengenai manifesto PH di Johor untuk meraih undi. Antara isi kandungan manifesto tersebut adalah menghapuskan rasuah dan budaya kronisme dalam pentadbiran negeri Johor yang didakwa oleh beliau berlaku dengan berleluasa, terutamanya dalam hal yang membabitkan isu tanah.⁵¹ Penerangan manifesto ini dilakukan di setiap PDM kerusi DUN Johor Jaya. Penerangan manifesto ini dilakukan untuk meyakinkan pengundi bahawa PH boleh mentadbir Johor dengan lebih baik berbanding BN sebelum ini.

Kempen mengenai ketidaktelusan pentadbiran kerajaan negeri yang diterajui oleh UMNO juga dilakukan oleh calon wanita veteran DAP iaitu Gan Peck Cheng. Beliau mendakwa projek mewah kerajaan Johor iaitu *Forest City* adalah untuk warga asing kerana harga rumah yang dijual iaitu bermula dari RM 2,000,000 tidak mampu untuk dibeli oleh penduduk tempatan yang rata-ratanya berpendapatan RM 2,000-RM 5,000 sahaja. Selain dari Gan Peck Cheng, calon-calon wanita DAP seperti Chew Peck Choo turut berkempen mengenai projek *Forest City*.⁵²

Pada hari terakhir tempoh berkempen, pemimpin tertinggi PH telah memilih Johor sebagai destinasi terakhir. Mereka mengadakan ceramah besar-besaran di Johor dan dihadiri oleh pemimpin tertinggi PH iaitu Dr. Mahathir, Muhyiddin Yassin, Lim Kit Siang, Lim Guan Eng, Liew Chin Tong, Azmin Ali, Wan Azizah dan Mohamad Sabu. Selain itu, calon wanita dari DAP yang bertanding untuk kerusi Parlimen di Johor iaitu Teo Nie Ching, Wong Shu Qi dan Yeo Bee Yin turut mengambil kesempatan untuk berceramah pada hari tersebut. Ketiga-tiga calon wanita ini membawa isu mengenai ekonomi iaitu penyelewangan dana 1MDB dan GST. Teo Nie Ching menyatakan 1MDB akan melumpuhkan ekonomi Malaysia kerana kerajaan terpaksa menanggung beban hutang yang tinggi. Manakala Yeo Bee Yin memberi penekanan terhadap isu GST. Beliau menyatakan cukai GST yang diperkenalkan adalah untuk menampung perbelanjaan boros oleh kerajaan, terutamanya menampung perbelanjaan 1MDB. Manakala Wong Shu Qi menyatakan penyelewangan dana 1MDB menyebabkan subsidi untuk minyak dan peneroka dipotong untuk menampung perbelanjaan syarikat pelaburan tersebut.

Konklusinya, calon wanita DAP lebih memberi penekanan untuk berkempen mengenai isu ekonomi berbanding dengan isu kewanitaan pada PRU 14. Isu ekonomi seringkali menjadi tumpuan pengundi, terutamanya masyarakat pertengahan kerana kos sara hidup yang tinggi. Kempen mengenai ekonomi dan dakwaan rasuah membuahkan hasil apabila DAP berjaya memenangi semua kerusi DUN dan lima daripada enam kerusi Parlimen yang ditandingi, termasuk calon wanita dari parti tersebut. Kemenangan DAP ini merupakan kemenangan terbesar dalam parti komponen PH iaitu DAP memenangi 14 kerusi DUN. Manakala parti-parti komponen PH yang lain iaitu BERSATU menang 11 kerusi DUN, AMANAH menang sembilan kerusi DUN dan PKR menang lima kerusi DUN. Kemenangan pada PRU 14 membolehkan PH menubuhkan kerajaan di Johor untuk pertama kali sejak PRU 1 (1959).

Faktor Perbezaan Strategi Isu dan Kempen oleh Calon Wanita UMNO dan DAP

Menelusuri persaingan antara calon wanita UMNO dan DAP, isu yang menjadi tumpuan oleh calon yang bertanding semasa tempoh kempen merupakan elemen penting yang menentukan

kedudukan kedua-dua parti politik dalam politik Johor.⁵³ Walaupun begitu, isu yang diberi perhatian dan dibawa oleh calon wanita UMNO dan DAP sepanjang tempoh kempen pada pilihan raya di Johor ini memperlihatkan perbezaan, sama ada dari sudut isu ekonomi mahupun politik. Faktor utama yang menyebabkan berlakunya perbezaan ini adalah kedudukan parti masing-masing dalam politik Johor. UMNO merupakan parti utama di Johor dan rekod pencapaian parti ini membolehkan Johor digelar dengan ‘kubu UMNO’. Sejak PRU 1955, UMNO menang pilihan raya di Johor sama ada untuk kerusi Parlimen ataupun DUN, malahan kemenangan ini berterusan sehingga pada PRU 14. Kemenangan berterusan oleh UMNO ini secara tidak langsung membentuk hegemoni politik Johor adalah ‘politik umno’.⁵⁴ Berdasarkan kepada kedudukan UMNO ini, calon-calon wanita UMNO lebih memberi penekanan terhadap kempen berbentuk dasar ataupun tindakan kerajaan negeri. Selain mempertahankan dasar kerajaan negeri, dalam masa yang sama calon-calon wanita UMNO ini turut mempromosikan dasar daripada kerajaan supaya rakyat dalam menilai keberkesanan pentadbiran UMNO di Johor.⁵⁵ Berdasarkan kepada kedudukan yang selesa tersebut, calon-calon wanita UMNO lebih mengutamakan isu yang bersifat kenegerian dalam kempen mereka. Oleh itu kempen dari calon-wanita UMNO ini tampak tersusun dan teratur berbanding calon wanita DAP.⁵⁶

Manakala DAP pula, kedudukan parti ini dalam politik Johor adalah parti pembangkang dan sukar untuk menembusi politik negeri ini. Sejak DAP ditubuhkan pada 1966, kali terakhir DAP berjaya menang kerusi DUN di Johor adalah pada PRU 1990 dan sejak dari itu, DAP gagal menang di Johor sama ada untuk kerusi DUN ataupun Parlimen.⁵⁷ Berdasarkan kepada kedudukan tersebut, kempen yang dilakukan oleh calon-calon yang dipertaruhkan oleh DAP di Johor, termasuk calon wanita berkempen secara agresif dalam usaha memenangi sokongan pengundi. Mereka cuba menanam atau memberi persepsi yang negatif kepada calon yang mewakili parti kerajaan, terutamanya UMNO supaya dapat meraih undi dari kumpulan sasaran, terutamanya pengundi Cina. Isu yang dijadikan tumpuan semasa tempoh kempen, seperti rasuah semakin hangat didendangkan oleh calon-calon wanita DAP, terutamanya semasa tempoh kempen PRU 13.⁵⁸ PRU 13 menjadi tanda aras kempen oleh wanita DAP semakin agresif kerana pada PRU 12, DAP berjaya memenangi empat kerusi DUN di Johor.⁵⁹ Oleh itu pada PRU 13, calon-calon DAP, termasuk wanita berkempen secara agresif dengan harapan untuk mengekalkan jumlah kerusi sedia ada disamping mengintai peluang bagi mempertingkatkan jumlah kerusi DUN yang dimenangi oleh parti ini di Johor. Situasi ini secara tidak langsung memperlihatkan kedudukan UMNO dan DAP dalam politik Johor mempengaruhi strategi kempen, terutamanya isu yang diutamakan oleh calon wanita UMNO dan DAP di negeri ini.

Kesimpulan

Secara konklusinya, persaingan politik antara UMNO dan DAP turut melibatkan golongan wanita walaupun mereka tidak pernah berhadapan secara langsung dalam pilihan raya. Namun begitu, peranan dari wanita DAP lebih mencabar berbanding dengan wanita UMNO. Wanita DAP perlu berjuang untuk memenangi kerusi pilihan raya sama ada kerusi DUN mahupun Parlimen kerana mereka merupakan calon dari parti pembangkang. Manakala wanita UMNO diberi kerusi yang bertaraf ‘selamat’, seperti kerusi Parlimen yang terdiri daripada jumlah peneroka FELDA yang ramai iaitu Parlimen Pengerang, Tenggara dan Kota Tinggi. Pencalonan wanita untuk kerusi-kerusi tersebut menunjukkan pimpinan UMNO Johor masih kurang berkeyakinan terhadap calon wanita untuk memainkan peranan meningkatkan sokongan terhadap UMNO. Berbeza dengan DAP, mereka memberi harapan dan

tanggungjawab yang tinggi kepada calon wanita mereka seperti Yeo Bee Yin dan Teo Nie Ching. Persaingan ini juga pada akhirnya memperlihatkan calon-calon wanita dari parti UMNO dan DAP berjaya mempengaruhi golongan wanita untuk mengundi mereka.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya kerana memberi galakan dan panduan yang sempurna dalam membantu penulisan ini.

Biodata

*Dr. Muhammad Naim Fakhirin (naim_fakhirin@yahoo.com) (corresponding author) merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

**Profesor Madya Datuk Dr. Zulkanain Abdul Rahman (zulkana@um.edu.my) merupakan Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, Malaysia

***Dr. Fatimi Hanafi (fatimi@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Latihan Intern dan Pengayaan Akademik (CITrA), Universti Malaya, Malaysia

Received: 3 April 2024

Reviewed: 4 April 2024

Accepted: 30 June 2024

Nota

¹ Fauziah Fazil, *Fatimah - Gadis Desa Serikandi Bangsa*, Johor Bahru: Penerbit Yayasan Warisan Johor, 2009, hlm. 47.

² Helaian Mata (Score Sheets), Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Johor, 2008, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, hlm. 8.

³ Helaian Mata (Score Sheets), Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Johor, 2013, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

⁴ Helaian Mata (Score Sheets), Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Johor, 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

⁵ Ibid.

⁶ Ibid.

⁷ Helaian Mata (Score Sheet), Bahagian Pilihan Raya, P.149 Sri Gading, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

⁸ Helaian Mata (Score Sheet), Bahagian Pilihan Raya, P.161 Pulai, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

⁹ Ibid.

¹⁰ Helaian Mata (Score Sheet), Bahagian Pilihan Raya, P.150 Batu Pahat, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

¹¹ Ibid.

¹² Helaian Mata (Score Sheets), Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Johor, 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

¹³ Ibid.

¹⁴ Helaian Mata (Score Sheets), Bahagian Pilihan Raya, P.163 Kulai, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

- ¹⁵ Helaian Mata (Score Sheet), Bahagian Pilihan Raya, P.145 Bakri, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- ¹⁶ Helaian Mata (Score Sheet), Bahagian Pilihan Raya, P.145 Bakri, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- ¹⁷ Ibid.
- ¹⁸ Siaran Rancangan 'Program Dakwat Di Jari', 30 April 2018, jam 5.00 petang, TV9, Media Prima Berhad.
- ¹⁹ Lampiran Satu: Soal Selidik Pengundi Wanita di Johor Bahru 2018.
- ²⁰ Laporan Statistik Penduduk Negeri Johor 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia.
- ²¹ Kosmo, Analisis PRU: Kuasa Pengundi Wanita, 20 April 2018.
- ²² The Star, *GE13: DAP Picks Teo Nie Ching for Kulai Parliamentary Seat*, 16 April 2013.
- ²³ Helaian Mata (Score Sheets), Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Johor, 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- ²⁴ Malvis Puthuchery, Noraini Othman, *Elections and Democracy in Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm. 61.
- ²⁵ Berita Harian, *UMNO Johor Umum Senarai Calon*, 23 Februari 2008.
- ²⁶ Anis Yusoff, Zubayri Sofian, *Politik: Isu-Isu Intergriti, 2000-2008*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2008.
- ²⁷ Utusan Malaysia, *Azalina Turun di Kawasan FELDA*, 4 Mac 2008.
- ²⁸ Utusan Malaysia, *Wanita UMNO Perkukuh Sokongan di kawasan FELDA*, 6 Mac 2008.
- ²⁹ Berita Harian, *Pengundi Wanita Menjadi Perhatian*, 20 Februari 2008.
- ³⁰ Temubual Razali Ibrahim, Ahli Majlis Tertinggi UMNO (2018-Sekarang) di Pejabat UMNO Bahagian Muar, No. 123, Jalan Meriam, 84000 Muar, Johor pada 10 Ogos 2018.
- ³¹ Utusan Malaysia, *Wanita UMNO Perkukuh Sokongan di Kawasan FELDA*, 6 Mac 2008.
- ³² Dominic M. Mueller, *Islam, Politics and Youth in Malaysia: The Pop-Islamist Reinvention of PAS*, New York: Routledge Inc., 2014, hlm. 62.
- ³³ Utusan Malaysia, *DAP Kuasai Pakatan Rakyat*, 21 Februari 2013.
- ³⁴ Utusan Malaysia, *PKR Tiada Agenda Perjuangan*, 10 Mac 2013.
- ³⁵ Berita Harian, *Karnival Pertanian Johor Jana Pendapatan Lumayan*, 14 Mac 2013.
- ³⁶ New Straits Times, *BN Manifesto Far More Superior*, 15 Mac 2018.
- ³⁷ Utusan Malaysia, *5 Lagi Kayu Ukur Mengapa Dr. Mahathir Tidak Layak Jadi PM*, 24 Mac 2018.
- ³⁸ Dr. Mahathir mengisytiharkan dirinya keluar dari UMNO pada 2008 kerana UMNO tidak berusaha untuk memperbaiki keadaan parti. Pada 2009, beliau menyertai semula parti tersebut. Pada 2016, beliau mengisytiharkan untuk keluar dari UMNO dan menubuhkan BERSATU bersama Muhyiddin Yassin.
- ³⁹ Utusan Malaysia, *Peneroka FELDA Peroleh 'Durian Runtuh'*, 29 April 2018.
- ⁴⁰ Berita Harian, *Pasar Awam Johor Tumpuan Kempen Calon*, 6 Mei 2018.
- ⁴¹ Utusan Malaysia, *Pembangkok Hanya Pandai Berjanji*, 21 April 2018.
- ⁴² Suara Keadilan, *Kerjasama Mantap di Johor*, 20 Februari 2008.
- ⁴³ The Star, *BN Secure Johore*, 10 March 2008.
- ⁴⁴ The Rockets, *Comfortable in Her Skin: Teo Nie Ching Interviews*, 21 March 2013.
- ⁴⁵ Zaireeni Azmi, *Anjakan Kuasa Politik Wanita*, Dewan Masyarakat (6) 2018, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁴⁶ Helaian Mata (Score Sheet), Bahagian Pilihan Raya, P.163 Kulai, Pilihan Raya Umum 2013, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- ⁴⁷ Suara Keadilan, *Keborosan Pemimpin UMNO-BN Berterusan*, 17 Februari 2013.
- ⁴⁸ RokatKini, *MCA Pancing Undi Dengan Menghina Islam, UMNO Berdiam Diri*, 23 April 2013.
- ⁴⁹ Manifesto Pakatan Harapan Johor, Buku Harapan 2018.
- ⁵⁰ Ibid.
- ⁵¹ Ibid.
- ⁵² RokatKini, *HARAPAN Tidak Relu Tanah Johor Digadai UMNO*, 4 Januari 2018.
- ⁵³ Calton Campbell, *Campaigns and Elections: Issues, Concepts, Cases*, New York: Oxford University Press, 2003, hlm. 37.

⁵⁴ Gelaran Johor sebagai ‘politik Johor adalah politik UMNO’ ini bukan sahaja disebabkan oleh prestasi baik UMNO sepanjang bertanding di kerusi DUN ataupun kerusi Parlimen, tetapi turut disebabkan oleh faktor penubuhan UMNO itu sendiri. UMNO ditubuhkan oleh bekas Menteri Besar Johor iaitu Onn Jaafar (1947-1950). Ironinya, idea penubuhan UMNO ini juga bermula dari Istana Bukit Serene dan melibatkan persatuan-persatuan Melayu di Johor ketika itu. Berdasarkan kepada dua faktor tersebut, UMNO menjadi parti yang dominan dalam kalangan masyarakat Melayu di Johor sehinggakan UMNO menjadi lambang terhadap politi Johor itu sendiri. CO 537/4790, Political Developments: Influence of Dato Onn and UMNO in Malayan Politics.

⁵⁵ Utusan Malaysia, *Wanita UMNO Tumpu Kempen Pembangunan*, 14 April 2018.

⁵⁶ Berita Harian, *Tempoh 11 hari kempen PRU-14 mencukupi*, 10 April 2018.

⁵⁷ Pada Pilihan Raya Umum 1990, DAP berjaya memenangi tiga kerusi DUN di Johor iaitu Jementah, Bekok dan Maharani. Kemenangan ini mengejutkan pihak lawannya iaitu MCA dan juga UMNO kerana pada PRU sebelumnya, DAP gagal meraih sebarang kerusi di Johor. Laporan Pilihan Raya Umum 1990, Keputusan Pilihan Raya Kerusi Dewan Undangan Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

⁵⁸ Sinar Harian, *UMNO sinonim dengan rasuah kleptokrasi: Lim Kit Siang*, 16 April 2018.

⁵⁹ Pada PRU 12, DAP berjaya memenangi empat kerusi DUN iaitu Bentayan, Mengkibol, Skudai dan Senai. Kemenangan DAP ini membuka langkah baharu terhadap parti itu untuk bertapak semula dalam politik Johor setelah sekian lama gagal memenangi sebarang kerusi di negeri ini. Laporan Pilihan Raya Umum 2008, Keputusan Pilihan Raya Parlimen di Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2008.

Rujukan

Anis Yusoff, Zubayri Sofian, *Politik: Isu-Isu Intergriti, 2000-2008*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2008.

Berita Harian, Karnival Pertanian Johor Jana Pendapatan Lumayan, 14 Mac 2013.

Berita Harian, Pasar Awam Johor Tumpuan Kempen Calon, 6 Mei 2018.

Berita Harian, Pengundi Wanita Menjadi Perhatian, 20 Februari 2008.

Berita Harian, Tempoh 11 hari kempen PRU-14 mencukupi, 10 April 2018.

Berita Harian, UMNO Johor Umum Senarai Calon, 23 Februari 2008.

Calton Campbell, *Campaigns and Elections: Issues, Concepts, Cases*, New York: Oxford University Press, 2003, hlm. 37.

CO 537/4790, Political Developments: Influence of Dato Onn and UMNO in Malayan Politics.

Dominic M. Mueller, *Islam, Politics and Youth in Malaysia: The Pop-Islamist Reinvention of PAS*, New York: Routledge Inc., 2014.

Fauziah Fazil, *Fatimah - Gadis Desa Serikandi Bangsa*, Johor Bahru: Penerbit Yayasan Warisan Johor, 2009.

Helaian Mata (*Score Sheets*), Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Johor, 2008, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Helaian Mata (*Score Sheets*), Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Johor, 2013, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.163 Kulai, Pilihan Raya Umum 2013, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Helaian Mata (*Score Sheets*), Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Johor, 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.145 Bakri, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.149 Sri Gading, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.150 Batu Pahat, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.161 Pulai, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Helaian Mata (*Score Sheets*), Bahagian Pilihan Raya, P.163 Kulai, Pilihan Raya Umum 2018, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Kosmo, Analisis PRU: Kuasa Pengundi Wanita, 20 April 2018.

Laporan Pilihan Raya Umum 1990, Keputusan Pilihan Raya Kerusi Dewan Undangan Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Laporan Pilihan Raya Umum 2008, Keputusan Pilihan Raya Parlimen di Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2008.

Laporan Statistik Penduduk Negeri Johor 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Malvis Puthucheary, Noraini Othman, *Elections and Democracy in Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

Manifesto Pakatan Harapan Johor, Buku Harapan 2018.

New Straits Times, BN Manifesto Far More Superior, 15 Mac 2018.

RoketKini, HARAPAN Tidak Relakan Tanah Johor Digadai UMNO, 4 Januari 2018.

RoketKini, MCA Pancing Undi Dengan Menghina Islam, UMNO Berdiam Diri, 23 April 2013.

Siaran Rancangan 'Program Dakwat Di Jari', 30 April 2018, jam 5.00 petang, TV9, Media Prima Berhad.

Sinar Harian, UMNO sinonim dengan rasuah kleptokrasi: Lim Kit Siang, 16 April 2018.

Suara Keadilan, Keborosan Pemimpin UMNO-BN Berterusan, 17 Februari 2013.

Suara Keadilan, Kerjasama Mantap di Johor, 20 Februari 2008.

Temubual Razali Ibrahim, Ahli Majlis Tertinggi UMNO (2018-2022) di Pejabat UMNO Bahagian Muar, No. 123, Jalan Meriam, 84000 Muar, Johor pada 10 Ogos 2018.

The Rockets, Comfortable in Her Skin: Teo Nie Ching Interviews, 21 March 2013.

The Star, BN Secure Johore, 10 March 2008.

The Star, GE13: DAP Picks Teo Nie Ching for Kulai Parliamentary Seat, 16 April 2013.

Utusan Malaysia, 5 Lagi Kayu Ukur Mengapa Dr. Mahathir Tidak Layak Jadi PM, 24 Mac 2018.

Utusan Malaysia, Azalina Turun di Kawasan FELDA, 4 Mac 2008.

Utusan Malaysia, DAP Kuasai Pakatan Rakyat, 21 Februari 2013.

Utusan Malaysia, Pembangkang Hanya Pandai Berjanji, 21 April 2018.

Utusan Malaysia, Peneroka FELDA Peroleh 'Durian Runtuh', 29 April 2018.

Utusan Malaysia, PKR Tiada Agenda Perjuangan, 10 Mac 2013.

Utusan Malaysia, Wanita UMNO Perkukuh Sokongan di kawasan FELDA, 6 Mac 2008.

Utusan Malaysia, Wanita UMNO Perkukuh Sokongan di Kawasan FELDA, 6 Mac 2008.

Utusan Malaysia, Wanita UMNO Tumpu Kempen Pembangunan, 14 April 2018.

Zaireeni Azmi, *Anjakan Kuasa Politik Wanita*, Dewan Masyarakat (6) 2018, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.